KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## ISNIN, 18 SEPTEMBER 2023

## LAPORAN HARIAN

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



18/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **'JKM, TOLONGLAH SAYA' - ZAITON SAMEON** | |
| | https://www.hmetro.com.my/rap/2023/09/1010677/jkm-tolonglah-saya-zaiton-sameon | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2023/09/1153864/saya-tiada-rumah-harta-anak-ibu-bapa-semuanya-tiada-zaiton-sameon | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **UJIAN BERAT WANITA SARAT HAMIL HILANG SUAMI, 2 ANAK** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/17/ujian-berat-wanita-sarat-hamil-hilang-suami-2-anak/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **KECOH, WANITA MINTA 'TAPAU' LAUK SEBELUM KENDURI BERMULA** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1153875/kecoh-wanita-minta-tapau-lauk-sebelum-kenduri-bermula | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **KEHIDUPAN WARDEN WANITA BERUBAH SELEPAS TERLIBAT NAHAS** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/279473/edisi/utara/kehidupan-warden-wanita-berubah-selepas-terlibat-nahas | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **SKUAD KRIKET WANITA SASAR KE SEPARUH AKHIR** | |
| | https://www.hmetro.com.my/arena/lain/2023/09/1010663/skuad-kriket-wanita-sasar-ke-separuh-akhir | HMETRO.COM.MY |

18/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **TERIMA KASIH BANTU QILA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1010645/terima-kasih-bantu-qila | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **IBU LEGA DAPAT PELUK ANAK JADI MANGSA DERA** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/17/ibu-lega-dapat-peluk-anak-mangsa-dera/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **WARIS LANGSAI HUTANG ADIK OKU GUNA PAMPASAN INSURANS NEGERI** | |
| | https://selangorkini.my/2023/09/waris-langsai-hutang-adik-oku-guna-pampasan-insurans-negeri/ | SELANGORKINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **UPPM KARAMUNTING ZIARAH PESAKIT WARGA EMAS** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/17/uppm-karamunting-ziarah-pesakit-warga-emas | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **IBU TUNGGAL TERUJA PERTAMA KALI BELI BARANGAN DAPUR MURAH DI JER** | |
| | https://selangorkini.my/2023/09/ibu-tunggal-teruja-pertama-kali-beli-barangan-dapur-murah-di-jer/ | SELANGORKINI.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ENGGAN SUSAHKAN IBU BIARPUN BEKERUSI RODA | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 18 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Enggan susahkan ibu biarpun berkerusi roda

**Machang:** Seorang ibu tunggal mungkin terpaksa menghabiskan sisa hidupnya di atas kerusi roda akibat penyakit saraf tulang belakang yang dideritai sejak 12 tahun lalu.

Masmaliza Mohammad, 37, yang berpisah dengan suami sejak tujuh tahun lalu kini tinggal dengan ibunya, Che Bidah Maat, 70, yang sentiasa memberi sokongan kepadanya untuk meneruskan hidup dalam keadaan sedemikian.

"Meskipun berkerusi roda untuk bergerak, namun saya berusaha menguruskan diri sendiri kerana tidak mahu menyusahkan ibu yang sudah tua.

"Saya juga reda dengan keadaan kesihatan diri," katanya ditemui di rumahnya di Kampung Bakat.

Berkongsi penderitaan dialami, Masmaliza berkata, dia disahkan menghidap penyakit saraf tulang belakang selepas seminggu melahirkan anak sulungnya pada 2011.

"Ketika itu, kaki kanan saya kebas dan arwah ayah, Mohammed Dollah segera membawa saya mendapatkan rawatan di Hospital Machang.

"Kemudian, saya dirujuk ke Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian dan ditahan di wad selama sebulan sebelum dibenarkan pulang.

"Sejak itu, nikmat berjalan 'diambil' malah saya terpaksa menggunakan kerusi roda sepenuhnya untuk bergerak," katanya.

Menurutnya, dia kini perlu menghadiri janji temu setiap empat bulan di Hospital USM untuk berjumpa pakar saraf bagi mengetahui perkembangan tahap kesihatannya.

"Walaupun doktor memaklumkan saya tidak boleh kembali berjalan, namun saya perlu terus tabah," katanya.

Anak ketujuh daripada sembilan beradik itu memaklumkan dia menerima bantuan bulanan RM350 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Orang ramai yang mahu menghulurkan sumbangan boleh menyalurkannya ke akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) di 03013 41 00013406 7 atas nama Masmaliza Mohammad.

"Saya seboleh-bolehnya tidak mahu menyusahkan adik-beradik yang lain kerana mereka juga mempunyai komitmen selain bukan dalam kalangan orang senang," katanya.



MASMALIZA (kiri) bersama ibunya, Che Bidah ketika ditemui di rumah mereka di Kampung Bakat, Machang. - Gambar NSTP/HAZIRA AHMAD ZAIDI

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLIS SAHKAN SUSPEK MASIH DALAM DITAHAN | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 18 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

## PELAJAR TINGKATAN SATU DIBULI HINGGA SESAK NAFAS

# *Polis sahkan suspek masih belum ditahan*

**Kuala Nerus:** Kumpulan pelajar tingkatan dua yang didakwa menendang serta memijak pelajar tingkatan satu sebuah sekolah menengah di daerah ini Khamis lalu, hingga menyebabkan mangsa sesak nafas masih belum ditahan.

Pada masa sama, mangsa sudah membuat laporan polis berkaitan kejadian, pada hari sama dia didakwa dipukul.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu Asisten Komisioner Abdul Rahim Md Din ketika dihubungi mengesahkan ada menerima laporan berhubung kejadian yang dibuat mangsa.

"Bagaimanapun, setakat ini, tiada tangkapan dibuat dan punca yang menyebabkan mangsa dipukul juga masih dalam siasatan," katanya, semalam.

Menurut beliau, pada masa sama, berdasarkan laporan yang dibuat mangsa, dia mendakwa didatangi tiga pelajar yang mencari rakan mangsa.

"Suspek dipercayai mahu memukul rakan mangsa namun mangsa memberitahu tidak tahu selain meminta mereka tidak melakukan perbuatan itu.

"Bagaimanapun, suspek kemudiannya didakwa menendang muka dan badan mangsa," katanya.

Abdul Rahim berkata, guru yang menyedari kejadian yang berlaku dalam kawasan sekolah kira-kira jam 12.30 tengah hari itu kemudiannya membawa mangsa mendapatkan rawatan di hospital.

Kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja mendatangkan cedera.

Kelmarin, Harian Metro melaporkan, seorang pelajar sebuah sekolah menengah di Kuala Nerus dipukul dan dipijak sekumpulan pelajar lain hingga sesak nafas.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TIADA UNSUR JENAYAH, KES DIKLASIFIKASI KEMATIAN MENGEJUT | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 18 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

WARGA EMAS RENTUNG DALAM KERETA

# Tiada unsur jenayah, kes diklasifikasi kematian mengejut

**Petaling Jaya:** Penemuan mayat lelaki dalam keadaan rentung dalam insiden kebakaran kereta di Perumahan Desa Mentari di sini, kelmarin diklasifikasikan sebagai mati mengejut.

Timbalan Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Superintendan M Hussin Sollehuddin Zolkifly berkata, terdahulu pada jam 2.39 pagi pihaknya menerima laporan polis daripada orang awam warga tempatan berhubung kejadian kebakaran membabitkan kenderaan jenis Ford Laser putih di tempat letak kereta berhampiran Blok 2, Flat Desa Mentari.

"Siasatan polis di lokasi kejadian mendapati kebakaran itu meragut nyawa seorang lelaki warga tempatan yang ditemui rentung dalam kenderaan berkenaan.

"Unit Forensik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor hadir ke tempat kejadian untuk menyiasat punca kebakaran itu.

"Hasil siasatan awal polis mendapati tiada unsur jenayah dikesan di tempat kejadian itu," katanya menerusi kenyataan kelmarin.

Katanya, mayatnya dihantar ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) untuk proses bedah siasat.

"Polis mengklasifikasikan kes berkenaan sebagai laporan mati mengejut (SDR)," katanya.

Terdahulu, Penolong Pengarah Operasi Bomba Selangor Ahmad Mukhlis Mukhtar dalam kenyataannya mengesahkan seorang lelaki warga emas rentung dalam satu kejadian kebakaran kenderaan di flat itu.

Menurutnya, bomba menerima panggilan kecemasan memaklumkan mengenai kebakaran kereta pada jam 2.45 pagi.

"Bertindak atas panggilan kebakaran itu, sepasukan anggota bomba dari BBP Penchala bergegas dan berjaya memadamkan kebakaran kenderaan itu.

"Pemeriksaan mendapati kebakaran membabitkan empat kenderaan terbakar termasuk Naza Citra (50 peratus), Proton Wira dan lori Daihatsu (lima peratus).

"Ada seorang lelaki tempatan warga emas berusia lingkungan 60-an yang berada dalam kereta Naza Citra ditemui dalam keadaan rentung," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 1,451 VOLUNTEERS PARTICIPATE IN 2023 WORLD CLEANUP DAY | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 18 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 1,451 volunteers participate in 2023 World Cleanup Day

**JOHOR BAHRU:** A total of 1,451 Hero Cleanup volunteers from Johor are participating in the nine-day 2023 World Cleanup Day (WCD) state-level programme, which began Saturday.

Johor SWCorp director Cairul Hisham Jalaluddin said the volunteers from 58 agencies, including local authorities and non-governmental organisations (NGOs), are placed at 58 selected locations in Johor.

"Actually, compared to 30 agencies involved last year, the number of agencies this year increased by more than 50 per cent, which is quite an encouraging response.

"This is also in line with the Johor Bersih initiative of Johor Menteri Besar Datuk Onn Hafiz where every Sunday, a cleanup is carried out at any location in the state," he said in Kampung Pasir Gudang Baru here yesterday, where the state's opening ceremony of WCD 2023 was officiated by assistant secretary of the Local Government division Ahmad Azhar Ab Hamid.

"We hope every year more and more volunteers will come forward to do the cleaning in their own residential areas or public places," said Cairul Hisham.

"In 2021, 10,000 volunteers were registered nationwide, last year it was 13,000. All garbage collected will be recorded and audited, and we then separate the 18 types of waste and sell where possible to generate income," he added.

According to him, the cleanliness volunteers can have a high impact in changing the minds of the community to become more responsible and caring and practise ethical behaviour for a cleaner environment. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JKNS LODGES POLICE REPORT, DENIES 'BABY SNATCHING' IN SABAH HOSPITALS | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 18 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# JKNS lodges police report, denies 'baby snatching' in Sabah hospitals

**KOTA KINABALU:** The Sabah State Health Department (JKNS) lodged a police report Saturday refuting allegations it 'snatches' babies in Sabah hospitals as reported by a media portal.

JKNS director Dr Asits Sanna said the department had immediately launched an investigation after the portal posted a piece on Sept 15 titled 'Baby snatching: How stateless mums lose their infants in Sabah hospital'.

He said JKNS found the allegation to be untrue and that there were no such instances in any Ministry of Health hospital in the state, following which it lodged a report at the Lahad Datu district police headquarters as the case purportedly occurred at a hospital there.

"We take these allegations seriously and assure all customers at Sabah state health facilities that our top priority is their safety and well-being.

"All patients receiving treatment at any healthcare facility are provided with appropriate care in accordance with the laws and regulations of Malaysia.

"In cases of abandoned or neglected infants and children, the hospital refers the matter to the Child Protector Officer as provided for under the Child Act 2001," he said in a statement.

He said the department will cooperate fully with the authorities on the investigation of the case. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAXIM E-HAILING SIBU SANTUNI 50 ANAK YATIM KKJTHB SIBU | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 18 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Maxim E-Hailing Sibu santuni 50 anak yatim KKJTHB Sibu

**SIBU:** Seramai 50 anak Kompleks Kebajikan Juma'ani Tuanku Haji Bujang (KKJTHB) Sibu menerima sumbangan barangan bernilai RM1,000 daripada Maxim E-Hailing Bahagian Sibu kelmarin.

Menurut Ketua Maxim E-Hailing Sibu Boston Ho, program itu adalah sempena Hari Malaysia.

"Program kita hari ini sebenarnya sempena Hari Malaysia.

"Sumbangan terdiri daripada beras, minyak masak, tuala untuk kanak-kanak dan lain-lain," katanya ketika ditemui pemberita.

Ho juga berkata, secara kebetulan Junior Chamber International (JCI) Sibu mengadakan program yang sama di KKJTHB Sibu.

Objektif program adalah untuk membantu meningkatkan kualiti hidup kanak-kanak yang memerlukan terutama anak-anak yatim di KKJTHB Sibu.



**HARI MALAYSIA: Ahli Maxim E-Hailing Sibu meraikan anak yatim di KKJTHB Sibu kelmarin.**